

Negara Islam perlu keluar senjata sendiri atasi masalah Baitulmuqadis

KUALA LUMPUR, Sabtu — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad menengaskan hari ini, Baitulmuqadis hanya dapat dibebaskan melalui kekuatan perpaduan, senjata moden dan ilmu pengetahuan umat Islam.

Bercakap di Perhimpunan Hari Baitulmuqadis di Dewan Al Malik Faisal, Pemangku Perdana Menteri berkata, pembebasan melalui diplomasi, mengutuk atau slogan-slogan tanpa kekuatan senjata moden tidak akan dihormati langsung.

"Dengan demikian negara Islam hendaklah mencipta dan mengeluarkan senjata modennya sendiri termasuk bom atom, kereta kebal dan kapal terbang sebagai persiapan untuk membebaskan bumi Palestin dan kota suci Baitulmuqadis," ujar beliau.

Beliau menekankan bahawa umat Islam sekarang mesti mengakui kelemahan yang wujud di samping mengatasi masalah tersebut.

"Tanpa mengakui kelemahan yang ada dikalangan umat Islam sendiri, selama itu kita tidak dapat membebaskan Baitulmuqadis dari pencerobohan Israel.

Antara kelemahan yang disebut ialah perpaduan di kalangan umat Islam, kekurangan senjata moden dan kekurangan ilmu pengetahuan.

Datuk Seri Dr. Mahathir menambah, "Blarlah kita mengambil masa yang lama untuk membebaskan Baitulmu-

qadis dan Palestin itu, tetapi akhirnya kita berjaya."

Perjuangan membebaskan bumi Palestin, menurutnya, bermula sejak tahun 1920 lagi dan lebih hebat pada tahun 1947 selepas British menyerahkan bumi itu kepada Yahudi.

"Sejak itu, umat Islam cuba dengan berbagai cara untuk bebaskan Palestin, sama ada melalui usaha diplomasi, perang terbuka atau perang gerila.

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia